

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN NO. 233

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan untuk memperbaiki dan menaiktaraf perkakasan dan peralatan di Pejabat Kesihatan Kepong (Metro Prima), Klinik Komuniti Metro Prima dan Klinik Kesihatan Jinjang. Bilangan pesakit melawat ketiga-tiga klinik tersebut setiap bulan sejak Januari 2019 dan bilangan doktor yang bertugas.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Pejabat Kesihatan Daerah Kepong (PKDK) sedang dalam proses menaiktaraf bangunan PKD di bawah peruntukan pembangunan bagi menempatkan semula pegawai-pegawai Unit *Communicable Disease Control* (CDC), Bahagian Kawalan Penyakit yang berada di Metro Prima ke bangunan utama PKD Kepong. Projek sedang berjalan dan dijangka siap pada 05 Ogos 2019.

Dari segi penyelenggaraan pendingin udara di PKDK (Metro Prima) pula, pihak Unit Kejuruteraan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL & P) sentiasa memantau dari semasa ke semasa keadaan tersebut. Sekiranya terdapat masalah yang berkaitan dengan pendingin udara, tindakan pembetulan akan diambil segera. Pemantauan oleh unit ini termasuklah di Klinik Komuniti Metro Prima (KKOM MP).

Bilangan pendingin udara tambahan yang diperlukan mengikut keperluan semasa di kedua-dua fasiliti adalah bagi di PKD Kepong sebanyak 11 unit 2HP diperlukan dan KKOM Metro Prima 5 unit 3HP. Bagi Klinik Kesihatan Jinjang pula, kerja-kerja menaiktaraf Unit Kesihatan Ibu Anak dan Unit Makmal sedang dijalankan. Manakala kerja-kerja penyelenggaraan bangunan sedang dijalankan dan dijangka siap pada 31 Mei 2022. Skop kerja-kerja yang terlibat termasuklah kerja-kerja penyelenggaraan bumbung, CCTV, pendingin udara dan sebagainya.

Sejak Januari 2019, sejumlah 14,489 jumlah pesakit telah mendapatkan rawatan di KKOM Metro Prima dan terdapat dua (2) orang doktor yang bertugas di fasiliti berkenaan. Manakala di Klinik Kesihatan Jinjang seramai 12,2873 pesakit telah mendapatkan rawatan di fasiliti berkenaan dan terdapat 22 orang doktor yang bertugas di klinik tersebut.

Sekian, terima kasih.